



Tun V.T. Sambanthan

Pemimpin Berjiwa Malaysia

259
M

Ummadevi Suppiah

Tun V.T. Sambanthan



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

**BUKU-BUKU DALAM SIRI SEJARAH
PENERBIT UNIVERSITI MALAYA**

Akhbar Me;ayu Perjuangan di Sarawak
Nordi Achie

Nasionalisme Melayu
William R.Roff


The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society
D.S. Ranjit Singh

Acheh's case: A Historical Study of The National Movement For The
Independence of Acheh-Sumatra
Lukman Thaib

Tun V.T. Sambanthan

Pemimpin Berjiwa Malaysia

Ummadevi Suppiah



Penerbit Universiti Malaya

PUSTAKA PERDANA



1006277

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.um.edu.my/umpress

© Ummadevi Suppiah, 2004
Cetakan Pertama, 2004

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperolehi semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekalipun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau sebaliknya tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ummadevi Suppiah
Tun V.T. Sambanthan: Pemimpin berjiwa Malaysia/
Ummadevi Suppiah.
Mengandungi indeks
Bibliografi: ms. 177
ISBN 983-100-215-6
1. Sambantham V.T. Tun.
2. Politicians—Biography.
923.2595

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur



DEDIKASI
Kepada ibu tercinta dan sejarah tanah airku

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.um.edu.my/umpress

© Ummadevi Suppiah, 2004
Cetakan Pertama, 2004

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperolehi semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekalipun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau sebaliknya tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ummadevi Suppiah
Tun V.T. Sambanthan: Pemimpin berjiwa Malaysia/
Ummadevi Suppiah.
Mengandungi indeks
Bibliografi: ms. 177
ISBN 983-100-215-6
1. Sambantham V.T. Tun.
2. Politicians—Biography.
923.2595

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

923 25
UMM





Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad
National Land Finance Co-operative Society Limited

Buku ini diterbitkan atas penajaan
oleh Koperasi Kebangsaan
Permodalan Tanah Berhad.
Penerbit Universiti Malaya
mengucapkan terima kasih
kepada Pengarah Koperasi Kebangsaan
Permodalan Tanah Berhad atas penajaan ini.

KANDUNGAN

Senarai Gambar	ix
Senarai Jadual	xi
Senarai Peta	xi
Kata Pengantar	xiii
Prakata	xv
Bab 1: Sejarah Kedatangan dan Kegiatan Politik Orang India di Persekutuan Tanah Melayu	1
Bab 2: Zaman Awal Tun Sambanthan	15
Bab 3: Sumbangan Ke Arah Pembinaan Negara Yang Baru Merdeka	29
Bab 4: Usaha Meningkatkan Kedudukan Sosioekonomi dan Politik Orang India	51
Bab 5: Pengasas dan Penggerak National Land Finance Co-Operative Society (NLFCS)	63
Bab 6: Sebagai Menteri Buruh	85
Bab 7: Sebagai Menteri Kesihatan	105
Bab 8: Sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi	117
Bab 9: Sebagai Menteri Perpaduan	135
Bab 10: Kejatuhan Tun Sambanthan Dalam MIC	151

Kesimpulan	169
Bibliografi	177
Indeks	189

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1:	Sambanthan Bersama Puan Vijayalaksmi semasa upacara perasmian sekolah Tamil Mahatma Gandhi, Sg. Siput, pada 14 Ogos 1954.	21
Gambar 2.2:	Perkahwinan Sambantahn dengan Umasundari di Kuil Mariamman, Muar, Johor pada 21 Mei 1956.	22
	Suasana pada majlis perkahwinan Sambanthan	23
	Sumber: Toh Puan Umasambanthan	23
Gambar 2.3:	Sambanthan bersama-sama anaknya, Devakundari.	24
Gambar 3.1:	Barisan Ahli Kabinet mengangkat sumpah di Istana Negara pada 22 Ogos 1959.	34
Gambar 3.2:	Tunku Abdul Rahman Putra dan ahli-ahli rombongan Malaya ke London melambai-lambai kepada kumpulan besar orang ramai yang berada di lapangan terbang Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat jalan kepada mereka pada 9 Mei 1957.	38
Gambar 3.3:	Tunku Abdul Rahman sedang berucap pada upacara menandatangani perjanjian Malaysia pada 8 Julai 1963.	39
Gambar 3.4:	Lawatan Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom, Dato V.T. Sambanthan ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Sempena Pesta Buku Penerangan Bulan Bahasa Kebangsaan.	41
Gambar 8.1:	Sambanthan sedang mengiringi Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian bangunan Parlimen pada 1963.	120
Gambar 8.2:	Model Blok Bersalin, Hospital Besar Kuala Lumpur.	121
Gambar 8.3:	Sambanthan ketika berada di Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur.	123

- Gambar 8.4: Sambanthan menyaksikan Tran Kim Phuong, wakil Republik Vietnam merasmikan panggilan STD dari Malaysia ke Vietnam. 126
- Gambar 8.5: Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, merasmikan pembukaan Sistem Kabel Commonwealth Asia Tenggara (SEACOM), di Kuala Lumpur Pada 30 Mac 1967. *Dari kiri ke kanan*, V.T. Sambanthan (Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom), Tunku Abdul Rahman dan, Chew Kam Pok (Pengarah Talikom). 128
- Gambar 9.1: Tun Sambanthan bersama Tan Siew Sin dan Tun Abdul Razak dalam Jamuan Durian Muhibah di Bt. 9½ Jalan Cheras, Ulu Langat. 136
- Gambar 9.2: Rombongan Jawatankuasa Muhibah negeri Selangor melawat Tun V.T. Sambanthan di pejabatnya. 138
- Gambar 9.3: Temasya Sukan Muhibah: Tun Sambanthan menghakimkan Pertandingan Tarik Tali di Kelab Sukan Keretapi Jalan Ipoh. 146
- Gambar 9: Hakim Tan Sri Suffian sedang menganugerahkan ijazah kehormat kepada Tun Sambanthan. 174

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Jumlah Penduduk Estet di Malaya Mengikut Komposisi Kaum, 1921-1957.	2
Jadual 1.2:	Jumlah Buruh Estet di Malaya, Mengikut Komposisi Kaum, 1921-1965.	3
Jadual 1.3:	Penduduk India di Tanah Melayu, 1921-57.	3
Jadual 5.1:	Ladang-ladang Milik NLFCS (1960-71).	70

SENARAI PETA

Peta 1:	Taburan Penduduk India Di Persekutuan Tanah Melayu, 1957.	5
---------	---	---

KATA PENGANTAR

Penulisan buku biografi politik Malaysia adalah suatu bidang yang masih memerlukan penumpuan yang serius daripada para pengkaji tempatan dan pencinta sejarah tanahair. Kajian Biografi ini sebenarnya dapat menunjukkan rasa penghargaan generasi hari ini kepada segala sumbangan dan kepentingan pemimpin atau tokoh-tokoh lama, sama ada yang hidup mahupun telah meninggalkan kita buat selamalamanya.

Dari sudut akademik pula, kajian biografi seperti Tun V.T. Sambanthan ini akan dapat memberi satu penganalisan yang lebih tepat dan seimbang terhadap kepentingan sejarah kepimpinan tokoh dalam pembinaan negara Malaysia. Peranan beliau dalam bidang politik dan pentadbiran negara serta masyarakat India khasnya akan dapat disorot, dinilai dan diletakkan di tempat yang munasabah. Ini kerana kajian akan juga mengambil kira segala persoalan, masalah dan kelemahan yang timbul dan ada pada tokoh dan persekitaran serta masyarakatnya. Inilah yang cuba dibuat oleh penulis buku ini yang menulisnya sebagai sebuah disertasi Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) di bawah seliaan saya. Tulisan ini telah dinilai oleh ahli-ahli akademik yang kanan, sebelum diluluskan sebagai sebuah disertasi yang telah mencapai tahap kesarjanaannya. Dengan itu, buku ini adalah berkualiti tinggi dalam semua aspek. Buku ini juga boleh dipertanggungjawabkan fakta-faktanya kerana penyelidikan yang dijalankan adalah sangat terperinci dan meluas serta ditulis dengan pemikiran yang teliti dan bertanggungjawab. Mungkin ada perbezaan pendapat dengan pembaca, namun, sebagai sebuah kerja ilmiah, penyelidikan Cik Umma Devi adalah lebih autentik dan berasaskan, bukan hanya pendapat pandangan umum atau satu generalisasi sahaja.

Buku ini amat penting sebagai satu dokumen atau rekod pencapaian negara Malaysia dalam membina sistem perundangan dan birokrasinya. Dengan penglibatan Tun V.T. Sambanthan sebagai seorang Menteri bagi beberapa buah kementerian yang penting selepas merdeka, kita dapat meneliti evolusi pentadbiran negara.

Sebagai salah seorang perintis kepada satu proses pembinaan tradisi kecemerlangan negara Malaysia, Tun T.V. Sambanthan adalah pelopor pengurusan pentadbiran dan politik negara dan masyarakat Malaysia yang tidak patut dilupakan. Beliau telah mengorbankan hartanya, memerah tenaga pemikirannya dan bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin negara yang lain untuk melahirkan jati diri Malaysia yang kita miliki bersama hari ini. Oleh itu, penerbitan buku ini amat bermakna kepada khazanah persuratan negara yang akan pula melahirkan satu perspektif sejarah Malaysia yang lebih seimbang dan menyeluruh.

Tahniah Cik Umma Devi dan terima kasih kepada Penerbit Universiti Malaya kerana penerbitan buku ini.

Prof. Datuk Dr. Hjh. Ramlah Adam
Ketua
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

PRAKATA

Buku biografi politik Tun Sambanthan ini adalah usaha awal untuk menghasilkan penulisan yang menyeluruh terhadap Tun Sambanthan. Buku ini memfokus kepada peranan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC dan Menteri dalam Kerajaan Perikatan serta usaha-usahanya dalam pembangunan politik dan kemajuan negara.

Di antara persoalan yang akan dibincangkan dalam buku ini adalah peranan yang dimainkan oleh Tun Sambanthan sebagai pemimpin orang India (Presiden MIC) dan wakil orang India dalam pentadbiran negara (menteri) dalam pembangunan politik dan kemajuan orang India di Malaysia. Tempoh yang disentuh ialah antara 1919 hingga 1974 yang merangkumi waktu kelahiran Tun Sambanthan hingga persaraannya daripada politik tanah air.¹ Pemilihan tempoh ini akan membolehkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan Tun Sambanthan sejak zaman awal hingga kematiannya diselidiki. Peristiwa-peristiwa penting yang dimaksudkan lebih menjurus kepada penglibatan tokoh dalam politik tanah air sebagai Presiden MIC dan juga sebagai menteri kabinet dalam memajukan bidang politik dan sosioekonomi rakyat Malaysia.

Keseluruhan buku ini dibahagikan kepada sepuluh bab. Bab pertama akan memberikan pengenalan tentang pengaruh orang India sejak abad pertama Masihi di Asia Tenggara, khususnya di Malaya, kedatangan buruh India estet dan kegiatan politik orang India melalui persatuan-persatuan India sehingga pemilihan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC pada 1955. Bab kedua pula akan memfokus zaman yang merangkumi penglibatannya dalam gerakan antipenjajah semasa menuntut di Universiti Annamalai (India). Sekembalinya dari India beliau telah berusaha untuk mendirikan Sekolah Tamil Mahatma Gandhi bagi orang India yang tinggal di sekitar pekan Sg. Siput. Kedua-dua peristiwa ini telah memupuk sifat-sifat kepimpinan dalam diri Tun Sambanthan.

Bab ketiga akan menghuraikan peranan yang dimainkan oleh Tun Sambanthan sebagai pemimpin orang India dalam jentera

pentadbiran negara untuk mengasaskan negara-bangsa Malaysia. Faktor-faktor pemilihannya sebagai Presiden MIC akan dibicarakan kerana jawatan ini yang melayakkan dirinya untuk mewakili orang India dalam pentadbiran negara. Penglibatannya dalam rundingan kemerdekaan, pembentukan Malaysia, pemisahan Singapura, pilihan raya (1955-69), isu Bahasa Kebangsaan, taraf kerakyatan orang India dan isu perpaduan kaum juga akan turut dibincangkan. Bab keempat pula akan mengesan peranan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC dan kepimpinannya dalam parti MIC serta memperincikan peranannya dari segi sosioekonomi sebagai pemimpin orang India. Bab ini juga akan memperihalkan usaha beliau memperkukuh kedudukan politiknya melalui jawatan Presiden MIC.

Bab kelima buku ini pula akan mengutarakan Tun Sambanthan sebagai pengasas dan penggerak NLFCS, sebuah koperasi yang ditubuhkan untuk memajukan taraf sosioekonomi buruh India di estet. Seterusnya, bab enam hingga sembilan, akan membicarakan peranan Tun Sambanthan sebagai wakil orang India dalam pentadbiran negara dengan memegang jawatan Menteri Buruh (1955-57), Menteri Kesihatan (1957-59), Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi (1960-70), dan Menteri Perpaduan Negara (1971-74). Dalam keempat-empat bab ini akan dikemukakan program yang dijalankan di bawah penyeliaannya.

Bab kesepuluh buku ini akan memperdalam faktor-faktor kejatuhan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC yang akhirnya membawa persaraannya daripada politik tanah air pada 1974. Fokus akan diberikan kepada konflik dalaman yang melanda MIC sejak 1955 dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap kepimpinannya yang menjadi Presiden MIC selama 18 tahun. Bab kesimpulan merupakan penilaian dan pendirian penulis tentang sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC dan pemimpin kerajaan (menteri) dapat menyumbang kepada pembangunan politik dan kemajuan orang India di Malaysia.

Matlamat utama buku ini adalah untuk menghasilkan sebuah biografi berkenaan tokoh V.T. Sambanthan. Penulisan tentang tokoh ini perlu kerana dalam masyarakat yang kaya dengan ilmu warisan, ia akan menambahkan satu lagi kajian sejarah politik bagi negara dan masyarakat India. Penulisan ini juga penting sebagai suatu dokumen sejarah dalam menilai sejarah perkembangan sosiopolitik masyarakat India untuk rujukan generasi akan datang.

Walaupun tema yang dipilih telah biasa dikaji, namun didapati masih ada beberapa aspek tentang diri Tun Sambanthan yang harus diketengahkan. Perkara-perkara ini seperti penyertaannya dalam

gerakan "Quit-India" (1946), pembinaan Sekolah Tamil Mahatma Gandhi, proses pelantikannya sebagai Presiden MIC pada tahun 1955, penglibatannya dalam peristiwa-peristiwa penting negara seperti menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia, usahanya dalam mengubah fungsi tabung *South Indian Labour Fund*² (SILF), usaha menerbitkan surat khabar Inggeris *Malayan Times* dan keengganannya menyertai rundingan kemerdekaan dan krisis kepimpinan di kalangan pemimpin MIC.

Kajian dan penulisan tentang jawatan menteri yang dipegang oleh Sambanthan dan sumbangannya adalah usaha baru yang tidak pernah dibincangkan secara terperinci sebelum ini dan empat bab dalam buku ini telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Pendedahan ini dianggap penting bagi menilai pertikaian (kritikan) terhadap sumbangan Tun Sambanthan ke arah kemajuan politik dan sosioekonomi orang India di Malaysia. Usaha-usaha yang dilaksanakan sebagai seorang menteri adalah untuk menjaga kepentingan semua kaum; sudah tentu orang India turut mendapat manfaat. Beliau dan menteri-menteri lain mempunyai obligasi utama dalam mencorakkan pentadbiran negara yang baru mencapai kemerdekaan.

Dengan berpandukan kesabaran dan kesungguhan, penulisan biografi tentang Tun Sambanthan ini dapat dihasilkan. Buku biografi ini adalah suatu usaha untuk memperkayakan lagi khazanah sejarah politik tanah air. Pada masa yang sama usaha ini dapat menambahkan lagi tulisan sejarah yang berkaitan dengan orang India dalam bahasa Melayu.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam yang telah melakukan penyeliaan yang begitu teliti sehingga terhasilnya biografi ini. Ribuan terima kasih juga dirakamkan atas kesudian beliau untuk menulis kata penghantar bagi buku ini. Dalam proses menyiapkan buku ini, penulis juga merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Encik Sivachandralingam Sundara Raja yang sudi meluangkan masa beliau untuk membaca dan memberi tunjuk ajar bagi memantapkan lagi mutu penulisan buku ini.

Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Toh Puan Umasundari Sambanthan dan ahli keluarga yang telah menunjukkan minat dan memberikan sokongan moral dalam proses penghasilan buku ini. Penghargaan juga diberikan kepada ahli lembaga NLFCS (National Land Finance Co-operative Society) dan semua pihak yang telah memberi bantuan secara langsung dalam penghasilan buku ini.

Nota

¹ Selepas persaraannya daripada politik, beliau hanya meneruskan tugas sebagai Pengerusi NLFC dan Badan Panel Perpaduan Negara. Selepas tahun 1974, beliau seringkali mengalami gangguan kesihatan sehingga meninggal dunia pada tahun 1974.

² S.I.L.F ditubuhkan pada tahun 1908 oleh pengusaha-pengusaha ladang getah untuk menampung kos perjalanan buruh India ke India (tajuk ini akan dibincangkan dalam bab empat dan enam).